

Modal insan terbaik bantu hadapi globalisasi

BH - 14/5/2006

KUALA LUMPUR: Pekerja Malaysia perlu mengubah sikap dengan menekankan kepada penambahan nilai dan penjenamaan diri supaya menjadi modal insan terbaik yang diiktiraf bukan saja di dalam negara tetapi juga di persada dunia, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Berucap pada majlis sambutan Hari Pekerja 2004 di Stadium Putra, di sini semalam, Najib berkata, hanya dengan memiliki pekerja terbaik Malaysia dapat terus bersaing pada peringkat antarabangsa dalam era globalisasi dan liberalisasi yang serba mencabar.

Katanya, ini kerana negara perlu mencatatkan pertumbuhan ekonomi sekitar enam peratus setiap tahun untuk mencapai matlamat Wawasan

2020 dalam fasa baru pembangunan yang bermula dengan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Cerah atau kelam masa depan kita berada dalam tangan kita. Justeru, marilah kita tanamkan azam, rapatkan barisan dan dukung Misi Nasional yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020," katanya.

Hadir sama pada sambutan bertemakan 'Pekerja Cemerlang Negara Terbilang' ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn dan timbalannya, Datuk Abdul Rahman Bakar.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan anugerah pekerja cemerlang kepada beberapa penerima.

Memperjelaskan pendekatan itu, Najib berkata, setiap pekerja perlu sentiasa mempelajari kemahiran baru kerana apa yang dipelajari sebelum ini tidak akan kekal relevan untuk selama-lamanya.

sejajar perubahan zaman.

"Dalam bahasa Inggerisnya, kita mesti 'learn, unlearn and relearn'," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pekerja juga perlu menerima hakikat bahawa tiada sesiapa atau organisasi yang boleh memberi jaminan pekerjaan seumur hidup.

Pada sidang media kemudian, Najib berkata, lepasan sekolah dan graduan institusi pengajian tinggi juga perlu mengubah sikap kerana pekerjaan tidak lagi menunggu mereka tamat belajar.

"Kalau kita nak pekerjaan kita mesti tentukan kita memiliki kemahiran yang dikehendaki pasaran kerja," katanya.

Ditanya bila Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd Said Yusof akan dipanggil memberi penjelasan kepada Abdullah dan beliau berhubung kes 'tutup sebelah mata' itu, Najib berkata, ia belum ditetapkan lagi.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan tidak mahu Ahli Parlimen bertelingkah dengan pegawai kerajaan, sebaliknya berpegangan kepada prinsip hormat menghormati, bekerja sama dan bertolak ansur dalam menyelesaikan apa saja masalah berbangkit.

PENERIMA ANUGERAH

● Tokoh Pekerja Lelaki (Eksekutif)

Prof Madya Dr Sidek Abdul Aziz (Anugerah)
Chen Chee Kiong (Anugerah Harapan)

● Tokoh Pekerja Lelaki (Bukan Eksekutif)

Jingo Philip (Anugerah)
Malek Abdul Aziz (Anugerah Harapan)

● Tokoh Pekerja Perempuan (Eksekutif)

Prof Madya Dr Maznah Ismail (Anugerah)
Dr Azizah Johor (Anugerah Harapan)

● Pekerja Lelaki (Orang Kurang Upaya)

Othman Badrishah (Anugerah)
Nik Mahmood Nik Ab Majid (Anugerah Harapan)

● Pekerja Wanita (Orang Kurang Upaya)

Tan Kee Chok (Anugerah)
Maizan Mohd Salleh (Anugerah Harapan)

● Majikan Prihatin (Syarikat Besar)

Golden Hope Plantation Bhd

(Anugerah)
Tenaga Nasional Berhad (Anugerah Harapan)

● Majikan Prihatin (Industri Kecil dan Sederhana)

Kolej Teknologi Bestari (Anugerah)
Maroz Tailoring Sdn Bhd (Anugerah Harapan)

● Syarikat Besar

Technocom System Sdn Bhd (Anugerah)
Dumex (M) Sdn Bhd (Anugerah Harapan)

● Ladang Bahagia

Ladang Kempas, Sime Plantation Sdn Bhd (Anugerah)
Ladang Ulu Remis (Anugerah Harapan)

● Kesatuan Sekerja Contoh Sektor Awam

Kesatuan Pekerja-Pekerja Risda Semenanjung Malaysia

● Kesatuan Sekerja Contoh Sektor Swasta

Kesatuan Percantuman Pekerja-Pekerja Tenaga Nasional Berhad